



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Galakan Pelaburan (Pindaan) 1971
DR.86/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968 untuk mengadakan galakan² khas bagi pelaburan dalam perusahaan letronik, hotel dan perusahaan yang menggunakan banyak bilangan buroh, elaun modal tambahan bagi projek² yang di-luluskan, dan bagi perkara² yang berkenaan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Galakan Pelaburan (Pindaan), 1971 dan, kechuali sekshen 2, 3 (a) dan (b), 4, 6 dan 7 (a), (b) dan (e), hendak-lah di-sifatkan sabagai telah mula berkuatkuasa dari tahun taksiran 1968 dan tahun² taksiran yang kemudian-nya.

Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pen-tafsiran.

(2) Akta ini hendak-lah di-bacha dan di-tafsirkan bersama dengan Akta Galakan Pelaburan, 1968 (kemudian daripada ini di-sebut "Akta ibu").

2. Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasokkan Bab 1A baharu yang berikut sa-lepas sahaja Bab 1 dalam Bahagian 2—

Pindaan.
13/68.
Bab baharu
1A.

BAB 1A

"Projek yang menggunakan buroh yang di-luluskan.

12A. (1) Sa-saorang boleh mengemukakan kapada Menteri bahawa sa-suatu sharikat yang memulakan pengeluaran pada atau sa-lepas tarikh Bab ini mula berkuatkuasa ada mengambil bekerja atau akan mengambil bekerja tidak kurang daripada lima puloh satu orang pekerja dalam sa-suatu projek dalam Malaysia dan bahawa penubohan atau pemajuan projek itu ada-lah

Sekshen 14A
baharu.

4. Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasokkan, sa-lepas sahaja sekshen 14, sekshen 14A baharu yang berikut—

“Perlanjutan tempoh kelepasan meng-gunakan buroh.

14A. (1) Menteri Kewangan hendak-lah mengarahkan supaya di-lanjutkan tempoh kelepasan chukai bagi sa-sabuah sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah sekshen 12A—

(a) hingga tiga tahun mulaï dari hari pengeluaran, jika tempoh kelepasan chukai-nya dua tahun dan Menteri Kewangan puashati bahawa sharikat itu dalam sa-panjang tahun berikutan dengan akhir tempoh itu telah mengambil bekerja dalam projek itu tidak kurang daripada satu ratus satu orang pekerja;

(b) hingga empat tahun mulaï dari hari pengeluaran, jika tempoh kelepasan chukai-nya dua atau tiga tahun dan Menteri Kewangan puashati bahawa sharikat itu dalam sa-panjang tahun berikutan dengan akhir tempoh itu telah mengambil bekerja dalam projek itu tidak kurang daripada dua ratus satu orang pekerja;

(c) hingga lima tahun mulaï dari hari pengeluaran, jika tempoh kelepasan chukai-nya dua, tiga atau empat tahun dan Menteri Kewangan puashati bahawa sharikat itu dalam sa-panjang tahun berikutan dengan akhir tempoh itu telah mengambil bekerja dalam projek itu tidak kurang daripada tiga ratus lima puluh satu orang pekerja.

(2) Bagi maksud mendapatkan arahan di-bawah sekshen-kecil (1)—

(a) permohonan hendak-lah di-buat dengan bertulis kapada Menteri Kewangan dalam tempoh tiga puluh hari (atau dalam tempoh yang lebih lama mengikut sa-bagaimana yang di-benarkan oleh Menteri itu) sa-lepas akhir tahun berikutan dengan akhir tempoh kelepasan chukai itu menyatakan butir² pekerjaan;

(b) apabila menerima permohonan itu Menteri Kewangan boleh meminta apa² butir

lanjut (atau apa² bukti tentang kebetulan maklumat yang di-beri dalam permohonan itu) yang di-fikirkan-nya perlu.”.

5. Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda—

(a) dengan memasukkan, sa-lepas sahaja Bahagian 3, Bahagian 3A dan Bahagian 3B baharu yang berikut sa-bagaimana di-nyatakan dalam Jadual Pertama bersama ini;

(b) dengan memasukkan Jadual 1 sa-bagaimana di-nyatakan dalam Jadual Kedua bersama ini.

Bahagian 3
dan 3B
baharu dan
Jadual 1
baharu.

6. Sekshen 15 hingga 25, termasuk kedua²-nya, Akta ibu hendak-lah di-pakai *mutatis mutandis* bagi sa-sabuah sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah sekshen 12A sa-bagaimana sekshen² itu di-pakai bagi sa-sabuah sharikat perintis.

Pemakaian
sekshen²
tertentu.

7. Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda—

(a) dengan menggantikan taarif “tempoh kelepasan chukai” dalam sekshen 2 dengan yang berikut—

“‘tempoh kelepasan chukai’ berhubung dengan sharikat perintis atau sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah sekshen 12A, erti-nya tempoh yang di-tentukan mengikut sekshen 13 (1), dan apa² perlanjutan bagi tempoh itu yang di-buat di-bawah sekshen 13 (2) dan (2A), 14 atau 14A.”;

(b) dengan memasukkan, sa-lepas sahaja perkataan “sharikat perintis” yang terdapat dalam sekshen 26 (1) dan sekshen 29 (1), perkataan “atau sa-sabuah sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah sekshen 12A”;

(c) dengan menggantikan perkataan “Jadual” yang terdapat dalam sekshen 27 (3) dan (4) dengan perkataan “Jadual 2”;

(d) dengan menomborkan Jadual kapada-nya sa-bagai “Jadual 2”; dan

(e) dengan memasukkan, sa-lepas sahaja perkataan “sharikat perintis” yang terdapat dalam kaedah 5 Kaedah² (Kemajuan Ekspot) Chukai Pendapatan, 1968, perkataan “atau sa-sabuah sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah sekshen 12A”.

Pindaan
berbangkit.

8. Ordinan No. 89 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Peman-
sokhan.

JADUAL PERTAMA

(Sekshen 5)

"BAHAGIAN IIIA

PERUNTOKAN² KHAS BERHUBONG DENGAN PERUSAHAAN HOTEL

30A. Bagi maksud Bahagian ini, Malaysia hendak-lah di-bahagi kepada kawasan² yang berikut—

Kawasan A ... meliputi kawasan² yang berikut kechuali Kawasan D—

Daerah Kuala Lumpur dan Pulau Pinang;

Kawasan B ... meliputi kawasan² yang berikut kechuali Kawasan D—

Selangor (lain daripada daerah Kuala Lumpur), Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kota Kinabalu;

Kawasan C ... meliputi kawasan² yang berikut kechuali Kawasan D—

Pahang, Trengganu, Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah (lain daripada Kota Kinabalu) dan Sarawak;

Kawasan D ... meliputi pulau², bukit² peranginan dan mana² kawasan lain sa-bagaimana yang di-ishtihar-kan dengan perintah berkanun oleh pehak-berkuasa yang di-taarifkan.

30B. (1) Mana² sharikat (lain daripada sharikat perintis atau sa-suatu sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah sekshen 12A) bermastautin di-Malaysia yang berkehendakkan menuboh atau mengambil bahagian dalam sa-suatu perusahaan hotel dan berchadang supaya sa-suatu bangunan hotel mengikut standad yang di-luluskan di-bina dalam Malaysia atau jika sa-kira-nya bangunan hotel telah sedia ada dalam Malaysia, supaya di-tambah atau di-modenkan bangunan hotel itu mengikut standad yang di-luluskan, boleh membuat permohonan dengan bertulis kepada pehak-berkuasa yang di-taarifkan untuk pengurangan pendapatan yang boleh di-kenakan di-bawah sekshen 30D berkenaan dengan pendapatan yang di-dapati dari perniagaan hotel yang di-jalankan dalam bangunan hotel itu atau dalam bangunan hotel yang di-tambah atau di-modenkan itu.

(2) Jika pehak-berkuasa yang di-taarifkan itu berpuashati bahawa bangunan hotel itu atau mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan itu ada-lah menepati standad yang di-luluskan, ia boleh meluluskan sharikat itu bagi maksud sekshen 30D:

Dengan syarat bahawa kelulusan tidak boleh di-beri mengenai sa-suatu bangunan hotel yang terletak dalam Kawasan A melainkan jika bangunan hotel itu, atau mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan, telah siap dan di-buka untuk perniagaan antara 1hb Januari, 1968 dengan 31hb Disember, 1973.

Pembahagian
Malaysia.

Permohonan
untuk
pengurangan
pendapatan
yang boleh
di-kenakan.

(3) Kelulusan yang di-beri di-bawah seksyen-kecil (2) hendak-lah tertaklok kepada syarat² bahawa sa-panjang tempoh asas bagi tiap² satu daripada tahun taksiran yang di-maksudkan oleh seksyen 30D (3)—

- (a) bangunan hotel itu, termasuk mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan, ada-lah di-senggara mengikut standad yang di-luluskan;
- (b) standad pengurusan dan perkhidmatan yang di-luluskan dalam hotel itu ada-lah berterusan;
- (c) kadar² bayaran yang di-luluskan bagi bilek² dan perkhidmatan² ada-lah di-kenakan; dan
- (d) sharikat itu tidak boleh tanpa persetujuan pehak-berkuasa yang di-taarifkan menjalankan apa² perniagaan lain daripada perniagaan yang kesemua pendapatan kasar-nya di-dapati dari perniagaan hotel yang di-jalankan dalam bangunan hotel atau dalam mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan:

Dengan syarat bahawa pehak-berkuasa yang di-taarifkan boleh mengenakan apa² syarat lain mengikut sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut dan boleh mengubah atau menarek balek pada bila² masa syarat² yang lain itu.

30c. (1) Jika sa-sabuah sharikat yang di-luluskan tidak mematohi mana² daripada syarat yang di-nyatakan dalam seksyen 30B (3), Menteri hendak-lah dengan pemberitahu bertulis menghendaki sharikat itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahu itu di-sampaikan mematohi syarat atau syarat² itu atau membuktikan dengan memuaskan hati-nya bahawa keenggaran-nya itu telah di-sebabkan oleh sa-suatu yang tidak dapat di-kawal oleh sharikat itu dan ada harapan yang menasabah bagi syarat atau syarat² itu di-patohi pada atau sa-belum tarikh yang di-nyatakan dalam pemberitahu itu.

Menarek
balek
kelulusan.

(2) Menteri boleh menarek balek sa-suatu kelulusan yang di-beri di-bawah seksyen 30B kepada sa-sabuah sharikat yang di-luluskan jika sharikat itu telah tidak mematohi pemberitahu yang di-sampaikan di-bawah seksyen-kecil (1).

(3) Jika sa-kira-nya kelulusan yang di-beri kepada sa-sabuah sharikat di-tarek balek di-bawah seksyen-kecil (2), penarekan balek kelulusan itu hendak-lah di-ishtiharkan sa-bagai berkuatkuasa—

- (a) mulaï dari tarikh kelulusan itu mula² berjalan kuatkuasa-nya; atau
- (b) jika di-fikirkan patut oleh Menteri, mulaï dari tarikh sa-bagai mana di-tetapkan oleh Menteri sa-lepas tarikh kelulusan itu mula² berjalan kuatkuasa-nya.

(4) Jika sa-kira-nya seksyen-kecil (3) (a) di-pakai berhubung dengan penarekan balek kelulusan dari sa-sabuah sharikat, seksyen 30D, 30E, 30F dan 30G hendak-lah di-sifatkan sa-bagai tidak pernah berkuatkuasa berhubung dengan sharikat itu.

(5) Jika sa-kira-nya seksyen-kecil (3) (b) di-pakai berhubung dengan penarekan balek kelulusan dari sa-sabuah sharikat, peruntukan² seksyen 30D (1) atau (2) hendak-lah berhenti daripada berkuatkuasa mulaï dari tahun taksiran dalam tempoh asas yang bagi-nya penarekan balek itu mula berkuatkuasa.

(6) Sekshen ini hendak-lah di-pakai walau apa pun peruntokan² lain dalam Akta ini.

Penghitongan
pengurangan
pendapatan
yang boleh
di-kenakan.

30D. (1) Jumlah pendapatan yang boleh di-kenakan yang di-hitong di-bawah peruntokan² Akta ibu bagi sa-suatu tahun taksiran berhubung dengan sa-sabuah sharikat yang di-luluskan, yang di-dapati dari sa-suatu perniagaan hotel yang di-jalankan dalam sa-suatu bangunan hotel atau dalam mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan yang terletak dalam kawasan² yang di-nyatakan dalam ruang pertama di-bawah ini hendak-lah di-kurangkan sa-banyak jumlah yang di-dapati dengan mendharabkan pendapatan yang boleh di-kenakan itu dengan peratus yang di-nyatakan dalam ruang kedua itu (jumlah yang di-dapati demikian itu ada-lah kemudian daripada ini dalam Bahagian itu di-sebut sa-bagai "pengurangan pendapatan yang boleh di-kenakan"):

(1)		(2)	
Kawasan		Peratus pendapatan yang boleh di-kenakan akan di-kurangkan	
A	...	...	15%
B	...	...	20%
C	...	...	25%
D	...	...	30%

(2) Jika sa-kira-nya kelulusan di-beri di-bawah sekshen 30B (2) berkenaan dengan mana² bahagian yang di-tambah atau di-modenkan (kemudian daripada ini dalam sekshen-kecil ini di-sebut sa-bagai "bangunan baharu") bagi sa-sabuah bangunan hotel yang sedia ada (kemudian daripada ini dalam sekshen ini di-sebut sa-bagai "bangunan lama") jumlah pendapatan yang boleh di-kenakan bagi sa-suatu tahun taksiran yang akan di-kurangkan di-bawah sekshen-kecil (1) ia-lah sa-banyak suatu jumlah yang kadar antara-nya dengan pendapatan yang boleh di-kenakan itu sama seperti kadar antara perbelanjaan modal tetap yang di-lakukan atas bangunan baharu itu dengan jumlah semua perbelanjaan modal tetap yang di-lakukan atas bangunan lama dan baharu itu pada atau sa-belum akhir tempoh asas bagi tahun itu.

(3) Peruntokan sekshen-kecil (1) atau (2) hendak-lah berkuatkuasa bagi tempoh dua belas tahun taksiran yang bermula dari tahun taksiran dalam tempoh asas perniagaan itu di-mulakan dalam bangunan hotel itu atau, mengenai bangunan hotel yang sedia ada yang di-tambah atau di-modenkan, dari tahun taksiran dalam tempoh asas yang bahagian yang di-tambah atau di-modenkan itu telah siap dan di-buka untuk perniagaan.

(4) Jika jumlah pengurangan pendapatan yang boleh di-kenakan di-tentukan di-bawah sekshen-kecil (1) atau (2), mengikut mana yang berkenaan, Pengawal Besar hendak-lah mengarahkan supaya suatu pernyataan menunjukkan jumlah itu di-sampaikan kepada sharikat yang di-luluskan itu.

(5) Bagi maksud sekshen 97 dan 99 Akta ibu, sa-suatu pernyataan yang di-sampaikan di-bawah sekshen-kecil (4) hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu notis taksiran yang di-sampaikan di-bawah Akta ibu (bukan suatu notis berhubung dengan sa-suatu taksiran yang di-buat di-bawah sekshen 92 Akta ibu itu).

30E. Peruntukan seksyen 21 hendak-lah di-pakai, *mutatis mutandis*, bagi sa-suatu pernyataan yang di-keluarkan di-bawah seksyen 30D sa-bagaimana peruntukan itu di-pakai bagi sa-suatu pernyataan yang di-keluarkan di-bawah seksyen 20.

Pemakaian
seksyen 21.

30F. Peruntukan seksyen 22 hendak-lah di-pakai, *mutatis mutandis*, bagi sa-sabuah sharikat yang di-luluskan sa-bagaimana peruntukan itu di-pakai bagi sa-sabuah sharikat perintis; dan dalam pemakaian itu, sebutan mengenai seksyen 24 dalam-nya itu hendak-lah di-ketepikan.

Pemakaian
seksyen 22.

30G. (1) Walau apa pun peruntukan² lain dalam Akta ini, jika di-dapati oleh Pengawal Besar bahawa apa² pendapatan sharikat yang di-luluskan yang di-kechualikan di-bawah seksyen 21 yang di-bacha bersama dengan seksyen 30E atau bahawa apa² dividen yang di-kechualikan dalam tangan sa-saorang pemegang sher di-bawah seksyen 22 yang di-bacha bersama dengan seksyen 30F sa-patut-nya tidak di-kechualikan oleh sebab kelulusan telah di-tarek balek, Pengawal Besar boleh, pada bila² masa dalam tempoh enam tahun sa-lepas tahun taksiran dalam tempoh asas kelulusan itu telah di-tarek balek, membuat apa² taksiran tambahan yang di-fikirkan-nya perlu ka-atas mana² orang untok menchegeh apa² faedah yang di-dapati daripada pengechualian itu, atau mengarahkan sharikat yang di-luluskan itu mendebitkan kapada akaun terkechuali apa² jumlah mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki dalam hal keadaan itu.

Pendapatan
sharikat yang
di-luluskan
yang tersalah
di-kechuali-
kan dsb.

(2) Sa-suatu arahan yang di-beri di-bawah seksyen-kecil (1) hendak-lah, bagi maksud seksyen 97 dan 99 Akta ibu, di-sifatkan sa-bagai suatu notis taksiran yang di-sampaikan di-bawah Akta ibu (bukan suatu notis berhubung dengan sa-suatu taksiran yang di-buat di-bawah seksyen 92 Akta ibu itu).

30H. (1) Tertaklok kapada seksyen ini, jika sa-kira-nya Pengawal Besar berpuashati bahawa sa-sabuah sharikat (lain daripada sharikat perintis atau sa-suatu sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah seksyen 12A) telah melakukan dalam tempoh asas bagi sa-suatu tahun taksiran perbelanjaan kelayakan loji berkenaan dengan sa-suatu harta yang di-gunakan bagi maksud perniagaan hotel yang di-jalankan dalam sa-sabuah bangunan hotel atau dalam mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan, mengikut standad yang di-luluskan yang terletak dalam Malaysia, maka, jika dan sa-lagi pihak-berkuasa yang di-taarifkan meluluskan sharikat itu, suatu elaun tahunan (kemudian daripada ini di-sebut dalam seksyen ini sa-bagai "elaun susutan hotel yang di-perchePAT") hendak-lah di-beri kapada sharikat itu bagi tahun taksiran itu dan bagi tahun² taksiran yang kemudian-nya :

Elaun susutan
yang di-per-
chePAT atas
loji.

Dengan syarat bahawa elaun susutan hotel yang di-perchePAT tersebut itu tidak boleh di-beri berhubung dengan apa² harta yang di-gunakan bagi maksud itu dalam sa-sabuah bangunan hotel atau dalam mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan yang terletak dalam Kawasan A melainkan jika bangunan hotel itu atau mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan itu telah siap dan di-buka untok perniagaan antara 1hb Januari, 1968 dengan 31hb Disember, 1973.

(2) Elaun susutan hotel yang di-perchePAT yang akan di-beri bagi sa-suatu tahun taksiran di-bawah seksyen-kecil (1) berkenaan dengan sa-suatu harta yang di-gunakan bagi maksud perniagaan hotel sa-sabuah sharikat hendak-lah terdiri daripada empat puluh peratus daripada baki perbelanjaan berkenaan dengan harta itu pada akhir tempoh asas

bagi tahun itu dan hendak-lah menjadi sa-bagai ganti bagi apa² elaun tahunan yang di-beri di-bawah Jadual 3 kapada Akta ibu.

(3) Kelulusan di-bawah sekshen-kecil (1) boleh di-beri tertaklok kapada syarat² sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh pehak-berkuasa yang di-taarifkan dan boleh di-tarek balek oleh pehak-berkuasa yang di-taarifkan pada bila² masa.

Bangunan hotel di-sifatkan sa-bagai bangunan perusahaan.

30i. (1) Walau apa pun peruntukan perenggan 65 (3) dalam Jadual 3 kapada Akta ibu jika sa-sabuah bangunan hotel ada-lah mengikut standad yang di-luluskan atau jika sa-sabuah bangunan hotel yang sedia ada di-tambah atau di-modenkan mengikut standad yang di-luluskan dalam Malaysia lain daripada dalam Kawasan A, maka bangunan hotel itu atau mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan, mengikut mana yang berkenaan, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai sa-buah bangunan perusahaan bagi maksud Jadual itu dengan syarat bahawa pehak-berkuasa yang di-taarifkan berpuashati bahawa sa-panjang tempoh asas bagi sa-suatu tahun taksiran yang di-beri suatu elaun di-bawah perenggan 16 atau 17 Jadual itu—

(a) bangunan hotel itu, termasuk mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan, hendak-lah di-senggara mengikut standad yang di-luluskan;

(b) standad pengurusan dan perkhidmatan yang di-luluskan dalam hotel itu hendak-lah di-senggara; dan

(c) kadar² bayaran yang di-luluskan bagi bilek dan perkhidmatan hendak-lah di-kenakan.

(2) Jika peruntukan sekshen-kecil (1) di-pakai pada menentukan perbelanjaan baki di-bawah perenggan 68 dalam Jadual itu berhubung dengan apa² harta pada sa-suatu tarikh sa-lepas bermula-nya tempoh asas bagi tahun taksiran 1968 maka perhatian hendak-lah di-beri tentang apa² elaun tahunan berhubung dengan harta itu bagi mana² tahun taksiran sa-olah² harta itu ia-lah sa-buah bangunan perusahaan.

Sharat² memberi perakuan perintis bagi hotel² dalam Kawasan A.

30j. Walau apa pun peruntukan sekshen 5, sa-suatu perakuan perintis tidak boleh di-beri berkenaan dengan sa-sabuah bangunan hotel atau mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan yang terletak dalam Kawasan A melainkan jika bangunan hotel itu atau mana² bahagian-nya yang di-tambah atau di-modenkan itu dan yang mengikut standad yang di-luluskan itu telah siap dan di-buka untuk perniagaan antara 1hb Januari, 1968 dengan 31hb Disember, 1973.

Penghitongan bagi pendapatan yang akan di-kechualikan dari chukai berkenaan dengan bangunan hotel yang di-tambah atau di-modenkan.

30k. Jika sa-suatu perakuan perintis di-beri kapada sa-sabuah sharikat berkenaan dengan mana² bahagian yang di-tambah atau di-modenkan (kemudian daripada ini di-sebut dalam sekshen ini sa-bagai “bangunan baharu”) bagi sa-sabuah bangunan hotel yang sedia ada (kemudian daripada ini di-sebut dalam sekshen ini sa-bagai “bangunan lama”) kapada standad yang di-luluskan, pendapatan bagi tiap² satu tempoh pengakaunan yang akan di-hitong di-bawah sekshen 20 (1) ia-lah sa-banyak suatu jumlah yang kadar antara-nya dengan semua pendapatan bagi tiap² satu tempoh itu yang di-dapati dari perniagaan hotel yang di-jalankan dalam bangunan lama dan baharu itu sama saperti kadar antara perbelanjaan modal tetap yang di-lakukan atas bangunan baharu itu dengan jumlah perbelanjaan modal tetap yang di-lakukan atas bangunan lama dan baharu itu pada atau sa-belum akhir tiap² satu tempoh asas itu.

30L. Dalam Bahagian ini—

“sharikat yang di-luluskan” erti-nya sharikat yang telah di-beri kelulusan di-bawah seksyen 30B (2) mengenai pengurangan pendapatan yang boleh di-kenakan dan kelulusan-nya tidak di-tarek balek;

“kadar bayaran yang di-luluskan bagi bilek dan perkhidmatan” erti-nya kadar bayaran bagi bilek dan perkhidmatan hotel sa-bagaimana yang di-luluskan oleh pihak-berkuasa yang di-taarifkan;

“standad yang di-luluskan” erti-nya standad bangunan hotel kelas mewah, kelas satu atau kelas dua yang di-luluskan oleh pihak-berkuasa yang di-taarifkan;

“standad pengurusan dan perkhidmatan yang di-luluskan” erti-nya standad pengurusan dan perkhidmatan hotel sa-bagaimana yang di-luluskan oleh pihak-berkuasa yang di-taarifkan;

“pihak-berkuasa yang di-taarifkan” erti-nya Menteri Kewangan dengan persetujuan bertulis Menteri;

“perbelanjaan modal tetap” termasuk-lah perbelanjaan modal yang di-lakukan atas apa² loji, alat jentera atau apa² alat perkakas lain yang di-gunakan dalam Malaysia berhubung dengan dan bagi maksud perniagaan hotel;

“hotel” termasuk-lah motel;

“perniagaan hotel” erti-nya perniagaan yang di-jalankan dalam sa-sabuah bangunan hotel yang mengadakan tempat tidor, makanan, minuman dan lain² kemudahan dan termasuk-lah memberi konseshen bagi mana² bahagian daripada bangunan hotel itu bagi maksud yang berkaitan atau bersampingan dengan memajukan hal ehwal pelan-chongan.

BAHAGIAN IIIB

ELAUN MODAL TAMBAHAN BAGI PROJEK YANG DI-LULUSKAN

30M. (1) Tertaklok kapada seksyen ini, jika Pengawal Besar berpuas-hati bahawa—

Elaun modal tambahan.

- (a) sa-sabuah sharikat telah melakukan dalam tahun asas bagi sa-suatu tahun taksiran perbelanjaan kelayakan bangunan atau perbelanjaan kelayakan loji berkenaan dengan sa-suatu projek dalam Malaysia berhubung dengan perniagaan-nya; dan
- (b) perbelanjaan itu telah di-lakukan untuk memodenkan chara pengeluaran sharikat itu di-kilang yang sedia ada atau untuk mendirikan sa-buah kilang yang moden,

maka, jika dan sa-lagi pihak-berkuasa yang di-taarifkan itu meluluskan projek itu, suatu elaun yang di-namakan sa-bagai elaun modal tambahan hendak-lah di-beri kapada sharikat itu bagi tahun taksiran dan tahun² taksiran yang kemudian-nya.

(2) Elaun modal tambahan yang akan di-beri bagi sa-suatu tahun taksiran berkenaan dengan sa-suatu projek dalam Malaysia berhubung dengan perniagaan sa-sabuah sharikat hendak-lah terdiri daripada—

- (a) berkenaan dengan perbelanjaan kelayakan bangunan yang di-lakukan bagi membina bangunan, tiga peratus daripada perbelanjaan itu;

- (b) berkenaan dengan perbelanjaan kelayakan bangunan yang di-lakukan bagi membeli bangunan, pechahan yang di-benarkan di-dharab dengan satu sa-tengah; dan
- (c) berkenaan dengan perbelanjaan kelayakan loji, empat puluh peratus daripada baki perbelanjaan berhubung dengan perbelanjaan itu pada akhir tempoh asas bagi tahun itu,
- dan, mengikut mana yang berkenaan, hendak-lah menjadi sa-bagai ganti apa² elaun tahunan yang di-beri di-bawah Jadual 3 kepada Akta ibu.
- (3) Elaun modal tambahan hendak-lah di-beri hanya jika—
- (a) sharikat telah bermastautin bagi tahun asas bagi tahun taksiran itu; dan
- (b) Pengawal Besar berpuashati bahawa aset yang mengenai-nya perbelanjaan kelayakan bangunan atau perbelanjaan kelayakan loji telah di-lakukan di-gunakan bagi maksud² perniagaan pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran itu.
- (4) Walau apa pun peruntukan yang di-atas dalam sekshen ini, tiada apa² elaun modal tambahan bagi sa-suatu tahun taksiran boleh di-beri jika—
- (a) sharikat telah pun mendapat pengechualian dari chukai di-bawah sekshen 21 bagi tahun taksiran itu; atau
- (b) sharikat telah pun mendapat kredit chukai pelaboran di-bawah sekshen 26 bagi tahun taksiran itu.
- (5) Sa-suatu kelulusan yang di-beri di-bawah sekshen-kecil (1) boleh di-beri tertaklok kepada apa² syarat sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh pehak-berkuasa yang di-taarifkan pada bila² masa.
- (6) Dalam sekshen ini “pehak-berkuasa yang di-taarifkan” erti-nya Menteri Kewangan dengan persetujuan bertulis Menteri.”.

JADUAL KEDUA

(Sekshen 5)

“JADUAL 1

(Sekshen 13 (2A))

Perusahaan Perintis

Keluaran Perintis

- | | |
|---|----------------------------|
| 1. Perusahaan letronik (berkenaan dengan projek ² yang ranchangan pelaboran-nya telah di-luluskan oleh Kerajaan sa-belum 31hb Januari, 1973) | 1. Radio—semua jenis |
| | 2. Peti Talivishen |
| | 3. Alatrakam Pita |
| | 4. Alat Pengira Letronik |
| | 5. Komputer Letronik |
| | 6. Alat Penghubong Chuacha |
| | 7. Alat Dengar |
| | 8. Peti Walki-talkie |

*Perusahaan Perintis**Keluaran Perintis*

9. Penguat suara—semua jenis
10. Radiogram/Setereogram
11. Peti nyanyi/Record Players/Record Changer
12. Alat Penchari Ikan
13. Meter dan Alat Uji
14. Sistem Garis Taligerap dan Talikom
15. Perkakas talikom termasuk Perkakas Penyiaran Radio dan T.V.
16. Radas X-ray
17. Sa-tengah Pengalir (transister dan diod)
18. Litar Kamil
19. Injap
20. Tiub Gambar Talivishen
21. Perintang filem kaban
22. Perintang Kandongan Tetap
23. Perintang Berbelit Dawai
24. Kawal Bahana/Nada
25. Jangkaupaya
26. Kapasitar pancha-estar
27. Kapasitar Maika
28. Kapasitar Letrolitik
29. Kapasitar Seramik
30. Kapasitar Kertas
31. Kapasitar Talabunyi Berubah
32. Gelong dan alatubah Ulangan antara (U.A.)
33. Penala Bagi Peti Talivishen
34. Gelong Ayunan dan Arial
35. Gelong Punchak
36. Gelong Kepala Bermagnet/Kepala Perakam
37. Alatubah Melintang dan Menegak, Keluaran, masokan dan chok bagi radio, peti talivishen, penguat suara, dll.

<i>Perusahaan Perintis</i>	<i>Keluaran Perintis</i>
38.	Berbagai jenis Suis Dalam Alat Letronik (jenis putar, jenis piano, dll.)
39.	Penyambong—semua jenis
40.	Dataran/Yunit Ingatan
41.	Talipon Telinga
42.	Modul
43.	Geganti Kuasa
44.	Rod/Teras Ferait
45.	Geledong Kaset Pita Odio Bermagnet
46.	Bahagian Bagi Alat Dengar
47.	Papan Litar Berchetak
48.	Pembesar Suara
49.	Mikropon
50.	Pengalas Litar
51.	Penguat Talipon
52.	Dataran Matriks
53.	Rumpunan Teras Ingatan dan Komponan-nya
54.	Kepala Berangka
55.	Alat Bermagnet bagi sistem Ingatan Berangka dan Lain ² Komputar
56.	Gerobok Achuan Pelastik
57.	Tombol Pelastik
58.	Chesi Radio
59.	Pembentok Gelong
60.	Arial Talivishen
61.	Chesi Radiogram/Setereo-gram".

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk membuat pindaan² kepada Akta Galakan Pelaburan, 1968 untuk mengadakan galakan² baharu dan juga untuk memberi galakan² yang sedia ada kepada perusahaan² tertentu yang sa-lama ini tidak berkelayakan untuk mendapat galakan² itu.

2. Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan Ordinan No. 89 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971, menurut kuasa² dharurat, bagi maksud membuat peruntokan² khas supaya galakan² di-beri kepada perusahaan

hotel. Peruntukan² itu terkandung dalam Jadual kepada Ordinan itu. Sa-takat mana yang berkenaan dengan perusahaan hotel, Rang Undang² ini sa-mata² bertujuan untuk memasokkan peruntukan² itu dalam suatu undang² yang kekal tanpa pindaan.

3. Sa-chara ringkas, maksud pindaan² lain yang di-nyatakan dalam Rang Undang² ini ia-lah seperti berikut:

(1) *Galakan kepada perusahaan letronik—*

Berkenaan dengan sharikat yang menjalankan perusahaan letronik, tempoh kelepasan chukai pada mula²-nya ia-lah empat tahun dan tempoh ini akan di-lanjutkan hingga lima, enam atau tujuh tahun mengikut banyak-nya perbelanjaan modal yang di-lakukan. Pada masa sekarang, tempoh kelepasan chukai bagi sa-sabuah sharikat perintis ia-lah dua tahun dan tempoh ini boleh di-lanjutkan hingga tiga, empat atau lima tahun sahaja mengikut banyak-nya perbelanjaan modal yang di-lakukan.

(2) *Elaun modal tambahan bagi projek² yang di-luluskan—*

Rang Undang² ini juga bertujuan untuk membuat peruntukan berkenaan dengan elaun modal tambahan bagi perbelanjaan kelayakan bangunan atau loji untuk projek² yang di-luluskan bagi menggalakkan permodenan.

(3) *Galakan kepada perusahaan² yang menggunakan banyak bilangan buroh—*

Sa-jajar dengan dasar Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan menggunakan banyak bilangan buroh, Rang Undang² ini bertujuan untuk mengadakan galakan dalam bentok kelepasan chukai bagi perusahaan² seperti itu. Pada mula²-nya, tempoh kelepasan chukai ia-lah dua tahun dan tempoh ini boleh di-lanjutkan hingga tiga, empat atau lima tahun mengikut bilangan pekerja yang di-ambil bekerja. [P.N. (U²) 151.]

(2) This Act shall be read and construed as one with the Investment Incentives Act, 1966 (hereinafter referred to as "the main Act").

2. The main Act is hereby amended by inserting immediately after Chapter I of Part II thereof the following new Chapter 1A—

Chapter 1A

Approved
Labour
Utilization
Projects.

12A. (1) It may be represented to the Minister by any person that a company which commences production on or after the date of coming into force of this Chapter is or will be employing not less than fifty-one employees in any project in Malaysia and that the establishment or promotion of such projects is desirable in the interest of the industrial development of Malaysia; and the Minister may upon receipt of any such

Short title,
commence-
ment and
construction.

Amendment
13/64
New
Chapter
1A.